

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)30

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

30. Adakah Kerajaan Negeri akan menerima pakai Akta 672 bagi mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Pulau Pinang?
- (a) Apakah kelebihan dan kekurangan menerima pakai Akta 672?
 - (b) Sekiranya Kerajaan Negeri menerima pakai Akta 672, apakah opsyen bagi kakitangan PBT yang terjejas?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk membuka rundingan bagi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di Negeri Pulau Pinang melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 7 Tahun 2024 bertarikh 28 Februari 2024 dan surat 'Hasrat Rundingan Pemakaian Akta 672' daripada pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bertarikh 26 Mac 2024. Proses rundingan tersebut

dijangka mengambil masa selama enam bulan sebelum satu keputusan dapat dimuktamadkan.

- (a) Kebaikan dan kekurangan penerimaan pakai Akta 672 adalah seperti **Jadual 1** berikut:

JADUAL 1 : Kebaikan Dan Keburukan Penerimaan Pakai Akta 672

KEBAIKAN	KEBURUKAN
Peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.	Caruman tetap oleh MBPP dan MBSP. Penambahan caruman bagi kawasan-kawasan baharu.
Pembangunan dan pengoperasian Loji <i>Waste to Energy</i> (WTE) akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.	Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak terlibat dalam perancangan fasiliti sisa pepejal.
Pelantikan syarikat yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai syarikat konsesi.	Kerajaan Negeri dan PBT tertakluk kepada Akta 672 dan peraturan-peraturan baharu.

- (b) Proses rundingan pemakaian Akta 672 akan turut melibatkan sesi libat urus bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Opsyen-opsyen bagi kakitangan PBT akan diperincikan semasa sesi libat urus tersebut kelak.